

Cabaran pendidikan Al-Quran konvensional merentas pembelajaran abad 21

UB 26.8.2020 15

MINDA PENDIDIK

Oleh Prof. Madya Dr. Abdul Said
Ambotang & Dayang Bahyia
Suhaihun

PENDIDIKAN merupakan teras dalam membentuk sebuah ketamadunan. Pendidikan menjadikan sekelompok masyarakat daripada jahil kepada berilmu pengetahuan.

Ia dapat menerapkan nilai-nilai positif kepada masyarakat dan seterusnya dapat membentuk jati diri yang kuat.

Pendidikan adalah satu proses untuk mematangkan masyarakat dan seterusnya dapat melahirkan generasi yang berakhlik mulia. Bagi mencapai hasrat berkenaan, pendidikan wajib diberikan kepada semua masyarakat agar negara mencapai kemajuan seiring dengan negara maju yang lain.

Perkembangan teknologi membawa perubahan dalam pendidikan. Penerimaan murid dalam pengajaran dan pembelajaran juga berubah. Teknologi komunikasi dan maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran kini digunakan bagi membangunkan modal insan berteraskan kemahiran abad 21 (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2012). Pendidikan adalah bersifat futuristik.

Kementerian perlu menyediakan generasi muda untuk menghadapi pelbagai kemungkinan

berupa masyarakat industri, ekonomi global, kebanjiran teknologi tinggi. Pendidikan juga melahirkan generasi berfikir, bertindak dan menghasilkan sesuatu yang bermanfaat berlandaskan skop yang lebih global.

Di alaf yang semakin mencabar, generasi muda semakin terdedah dengan pengaruh dan budaya yang bersifat mazmumah. Hasrat untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan murid yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sedang menghadapi keberkesanannya kerana masyarakat masa kini berhadapan arus globalisasi.

Oleh sebab itu, pendidikan Al-Quran perlu diterapkan kepada anak-anak sejak dari kecil lagi. Al-Quran menjadi benteng kepada generasi muda daripada terjebak kepada perkara-perkara yang negatif.

Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan satu kurikulum yang berpandukan kepada al-Quran dan hadis agar melahirkan generasi yang bertakwa dan berakhlik mulia seiring dengan falsafah pendidikan Islam.

Cabaran pengajaran dan pembelajaran pendidikan Al-Quran hari ini lebih bersifat konvensional iaitu berpusatkan kepada guru. Kaedah yang sering di-

gunakan oleh guru ketika proses pengajaran dan pembelajaran adalah kaedah talaqqi mushafahah.

Kaedah ini masih sesuai digunakan pada hari ini. Namun, guru perlu lebih kreatif dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran mengikut peredaran zaman bagi menarik minat murid mempelajari Al-Quran dengan lebih mendalam.

Guru adalah salah satu faktor utama merangsang perubahan mengikut zaman, namun jika sikap guru terhadap perubahan rendah ini akan membantutkan dan melambatkan proses perubahan dalam kurikulum.

Kajian sekumpulan penyelidik terhadap 856 orang guru di beberapa buah sekolah terpilih secara rawak mendapati sikap guru terhadap perubahan dalam sekolah adalah pada tahap sangat sederhana kerana ianya dipengaruhi budaya sekolah yang selesa dengan kaedah semasa.

Selain itu keadaan sekeliling juga mempengaruhi sikap guru apabila keadaan tidak menggalakkan perubahan seperti kondisi kelas, masa, tekanan peperiksaan, sokongan pentadbir dan kewangan.

Sikap guru terhadap perubahan adalah keadaan dalam yang mempengaruhi pilihan guru terhadap pilihan peribadi guru atau kecenderungan tindak balas terhadap perubahan Al-Quran di rumah.

Oleh itu, perkara utama yang perlu dihadapi oleh guru dalam merentas pembelajaran abad 21 adalah perubahan sikap.

Sikap yang positif dalam menyampaikan ilmu Allah S.W.T sudah pasti akan diberi ketenangan jiwa dan dipermudahkan segala urusan bukan sahaja kepada guru malah kepada murid.

Pengaruh media massa hari ini juga antara cabaran yang perlu dihadapi oleh guru pendidikan Islam. Murid mudah terdedah kepada media massa terutamanya telefon bimbit yang boleh diakses secara mudah oleh generasi hari ini.

Terdapat pro dan kontra terhadap penggunaan media massa dan ianya dilihat bagaimana murid menggunakanya dengan cara yang betul.

Pengaruh negatif seperti budaya barat dan budaya K-Pop yang semakin menular dalam kalangan remaja menyebabkan murid lalai dan hilang fokus dalam kelas.

Oleh sebab itu, guru hari ini perlu memainkan peranan besar dalam membimbing murid untuk menggunakan media massa untuk mempelajari agama khususnya Al-Quran.

Pelbagai aplikasi yang boleh dimuat turun dalam telefon bimbit oleh pengguna khususnya murid sebagai panduan dalam mempelajari Al-Quran di rumah.

Peruntukan waktu pengajaran dan pembelajaran juga masih kurang mencukupi merupakan cabaran yang dihadapi guru dalam pendidikan Al-Quran.

Kementerian memperuntukkan minimum 128 jam setahun bagi mata pelajaran Pendidikan Islam. Adakah masa itu mencukupi dalam pengajaran dan pembelajaran dengan bilangan murid yang ramai di dalam kelas?

Menurut pandangan beberapa orang pakar pendidikan menjelaskan bahawa purata bilangan murid dalam sebuah kelas pada hari ini seramai 45 orang adalah agak ramai dan sangat tidak sesuai.

Mereka menyarankan agar kementerian perlu mengecilkan bilangan murid dalam kelas mengikut kadar guru. Keberkesan pengajaran dalam bilangan yang ramai adalah kurang berkesan dan sebaiknya sebuah kelas antara 25 hingga 30 orang murid sahaja.

Apabila bilangan murid di dalam kelas padat menyebabkan kaedah pengajaran guru menjadi kurang berkesan kerana murid akan kurang fokus.

Kemudahan atau bahan pengajaran dan pembelajaran adalah elemen penting dalam memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran guru dengan murid.

Kurangnya kemudahan atau bahan dalam peng-

jaran dan pembelajaran menyebabkan murid merasa cepat bosan dalam kelas. Bahan pengajaran dan pembelajaran melibatkan manusia, idea, alat-alat, kaedah pengurusan dan penilaian media. Bahan-bahan ini banyak membantu melincinkan komunikasi dua hala di antara guru dengan murid.

Dalam konteks pendidikan Al-Quran konvensional, Al-Quran dan buku teks adalah rujukan utama dalam pengajaran di dalam kelas. Namun dalam merentas pembelajaran abad 21, aplikasi seperti Smart Quran boleh dimuat turun dalam telefon bimbit dan murid boleh membuat ulang kaji di rumah.

Kekangannya apabila murid tidak dibenarkan membawa alat telekomunikasi di sekolah dan penggunaan kemudahan makmal komputer di sekolah juga terbatas.

Justeru, kaedah konvensional terpaksa diteruskan bagi mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Bukan sahaja kekurangan kemudahan atau bahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah, malah kurangnya kemahiran guru dalam melaksanakan pembelajaran abad 21 menjadi kekangan guru mengaplikasikan pembelajaran abad 21 khususnya pendidikan Al-Quran.

Hasil kajian kualitatif beberapa orang penyelidik pendidikan terhadap tiga orang guru pelatih mendapati responden masih kurang mahir terhadap penggunaan pembelajaran abad 21 dalam kelas.

Ada responden merujuk semula guru pembimbing untuk mendapatkan bimbingan. Oleh itu, pihak kementerian perlu memberi pendedahan kepada semua guru agama seperti kursus, taklimat atau program berkaitan kaedah pengajaran abad 21 agar guru-guru agama khususnya tidak dilabel sebagai guru yang buta IT.

Dunia pendidikan hari ini menghadapi transformasi yang sangat drastik. Guru perlu sentiasa berusaha lebih ke hadapan dalam menghadapi era globalisasi secara holistik.

Oleh itu, semua pihak perlu berganding bahu dalam menghadapi apa juab cabaran yang hadapi dalam dunia pendidikan. Tanpa sokongan dari pihak atasan sama ada pihak kementerian, jabatan pendidikan, pejabat pendidikan daerah dan sekolah, matlamat pendidikan sukar untuk direalisasikan dan negara akan sentiasa jauh ketinggalan.

* Penulis adalah Pensyarah Kanan dan pelajar pascasiswazah di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah